

Tingkah Laku Anak-Anak Cerminan Didikan Ibu Bapa



Oleh: Nazihah Ibni Hajar

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 5 Jun 2021

“Satu-satu, saya sayang ibu, dua-dua, saya sayang ayah, tiga-tiga ayah sayang janda.” Begitulah lirik lagu yang dinyanyikan oleh seorang kanak-kanak yang tular dalam media sosial baru-baru ini.



Gambar hiasan

Namun, sama ada kita sedar atau tidak, rakaman video yang tular itu sedikit sebanyak menunjukkan kepincangan dalam didikan ibu bapa terhadap anak-anak masa kini.

Wajarkah seorang kanak-kanak yang polos menyanyikan lirik lagu sedemikian? Lebih menyedihkan, ibu bapa kanak-kanak terbabit seolah-olah berbangga dengan ‘pencapaian’ anak mereka sehingga sanggup memuat naik video tersebut dalam media sosial.

Rasulullah SAW bersabda yang mafhumnya, “Setiap anak yang dilahirkan adalah dalam keadaan fitrah. Ibu bapalah yang bertanggungjawab mendidiknya sama ada menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi.” (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hadis itu menunjukkan betapa besarnya peranan ibu bapa dalam mendidik dan membimbing anak-anak ke jalan yang benar.

Jika ibu bapa memilih untuk ‘bergurau’ dengan anak-anak seperti dalam video yang tular itu, tidak hairanlah sekiranya anak tersebut membesar dengan memandang rendah terhadap orang tuanya. *Waiyyazubillahimin zalik*. Ingatlah, ibu bapa merupakan guru pertama bagi anak-anak.

Saya ingin mengajak para pembaca bersama-sama memikirkan situasi ini. Saya dan keluarga tinggal di sebuah taman perumahan di pinggir kota.

Kebanyakan anak-anak jiran di sini berusia antara lima hingga 19 tahun. Saya tidak hairan dengan kerenah remaja yang suka melepak dan bercakap ‘kotor’. Itu masalah lain.

Namun, saya sangat kecewa apabila mendengar anak-anak yang berusia lima hingga sembilan tahun menggunakan perkataan-perkataan jelic dan kesat dalam perbualan seharian mereka.

Situasi itu menyebabkan saya tertanya-tanya, di manakah silapnya? Namun, apabila kita berbalik pada video tular ‘ayah sayang janda’ yang disentuh sebelum ini, mungkin saya tahu jawapannya.

Anak-anak sangat mudah terpengaruh dengan persekitaran mereka. Dalam artikelnya yang bertajuk *Tabiat Ibu Bapa Boleh Mempengaruhi Anak Secara Negatif*, Datuk Dr Andrew Mohanraj menyatakan, “Kanak-kanak belajar dan membina sesuatu tabiat dengan memerhati persekitarannya.”

Andaian itu berdasarkan Teori Pembelajaran Sosial yang dipelopori oleh pakar psikologi, Albert Bandura. Maka tidak hairanlah anak-anak akan mengikut contoh tidak baik yang ditunjukkan oleh ibu bapa semasa mereka membesar. Bak kata pepatah, sebagaimana acuan, begitulah kuihnya.

Islam menggariskan panduan lengkap dalam mendidik anak-anak. Saya tertarik untuk berkongsi empat tahap mendidik anak mengikut cara yang disyorkan Rasulullah SAW.

Tahap pertama, ketika anak baru dilahirkan sehingga usianya enam tahun, ibu bapa hendaklah banyak membelai anak-anak dengan penuh kasih sayang.

Tahap kedua, ketika mereka berusia tujuh hingga 14 tahun, ibu bapa haruslah mendidik anak dengan arahan dan memberikan tanggungjawab kepadanya.

Pada tahap ketiga, iaitu ketika anak berusia 15 tahun hingga dewasa, ibu bapa perlu menjadikan anak sebagai kawan, bertukar pendapat dan menghormati pandangan mereka selagi tidak bertentangan dengan syarak.

Akhirnya pada tahap keempat, apabila anak sudah berumur 21 dan ke atas, ibu bapa perlu memberi kebebasan kepada anak-anak dalam bertindak selagi mematuhi syariat Islam dan bertindak sebagai penasihat agar segala tindakan mereka terkawal.

Kadang-kadang pengaruh rakan sebaya dan keinginan diri sendiri lebih mendominasi meskipun anak-anak telah dididik sehabis daya oleh ibu bapa.

Kajian Faktor Keterlibatan Remaja dengan Masalah Sosial yang dijalankan oleh Absba Atiah dan Mohd Isa pada tahun 2019 mendapati bahawa faktor remaja terlibat dalam masalah sosial berpunca daripada diri sendiri dan rakan sebaya.

Ibu bapa sepatutnya mendidik anak-anak dengan mutiara iman, perhiasan akhlak dan permata adab sejak mereka kecil lagi.

Apabila penerapan nilai-nilai murni sudah mendarah daging dalam diri, datanglah badai pengaruh rakan sebaya atau tsunami nafsu diri sekalipun, pasti dapat ditangani dengan baik.